



"AGNOSTIK: SATU ANCAMAN AKIDAH"

(10 Januari 2020/ 14 Jamadilawal 1441H)

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي أَمْرَنَا بِطَاعَتِهِ وَنَهَانَا عَنْ مَعْصِيهِ وَوَعَدَ مَنْ أَطَاعَهُ أَجْرًا عَظِيمًا. وَتَوَعَّدَ مَنْ عَصَاهُ عَذَابًا أَلِيمًا.

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَوْحِيدًا وَتَعْظِيمًا، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ تَشْرِيفًا وَتَكْرِيمًا.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَاحِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللّٰهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Muslimin Yang Dirahmati Allah SWT,

Marilah pada kesempatan yang masih diberikan ini, kita manfaatkan sebaik mungkin untuk mempersiapkan diri kita dengan taqwa yang sebenar demi meraih kebahagiaan abadi dunia akhirat. Marilah kita laksanakan segala suruhan yang diperintahkan dan meninggalkan tegahan-Nya. Tajuk khutbah kita pada hari ini adalah: "**Agnostik: Satu Ancaman Akidah**"

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,

Salah satu cabaran akidah di zaman ini adalah fahaman agnostik. Kita mungkin tahu akan wujudnya golongan Ateis yang tidak mengakui kewujudan tuhan. Agnostik pula merupakan sekumpulan manusia yang masih mempercayai bahwa tuhan itu wujud, tetapi tidak mempercayai ajaran agama.

Sesungguhnya amat membimbangkan, sebahagian mereka yang terpengaruh dengan ajaran ini adalah terdiri daripada umat Islam yang ragu-ragu dengan ajaran agama mereka. Islam dilihat sebagai agama yang dianut oleh ramai penganut yang miskin, menganggur, terlibat dalam jenayah dan sebagainya. Golongan agnostik ini gagal melihat keindahan Islam, malah menyalahkan tuhan kerana tidak ‘menyelesaikan’ masalah masyarakat. Beberapa ciri lain golongan ini untuk dikenal pasti adalah seperti berikut:

Pertama : Bertuhan iaitu percaya kepada kewujudan tuhan tetapi tidak beragama.

Kedua : Kurang kefahaman dan penghayatan agama.

Ketiga : Cenderung meluaskan pengaruh di kalangan golongan intelektual.

Sidang Muslimin Yang Dirahmati Allah Sekalian,

Serangan pemikiran dari barat yang amat mengelirukan ini merupakan isu akidah yang amat kritikal. Pemikiran ini dipengaruhi oleh beberapa aliran pemikiran lain termasuklah Modernisme, Sekularisme, Pluralisme dan Liberalisme. Pengaruh aliran-aliran pemikiran ini perlu dicegah dan diberi perhatian serius oleh semua pihak supaya tidak terus merebak dan merosakkan akidah.

Rasulullah SAW awal-awal lagi sudah mengingatkan pentingnya umat Islam menyelamatkan akidah dalam hadis yang bermaksud:

“Terdapat segolongan manusia yang mentaati perintah-perintah Allah dan segolongan yang lain yang melanggari batasan-batasan Allah. Perumpamaan mereka adalah seperti dua golongan yang menaiki sebuah kapal di mana satu golongan menduduki bahagian atas dan satu golongan lagi menduduki bahagian perut kapal tersebut. Apabila golongan yang berada di dalam perut kapal memerlukan air mereka menyuruh golongan yang di atas mengambilkannya untuk mereka sehingga mereka berkata: ‘Adakah patut kita menyusahkan golongan di atas apabila kita memerlukan air sedangkan kita boleh mendapatkan air yang banyak dengan melubangi bahagian bawah kapal ini’. Maka sekiranya golongan di atas tidak mencegah

mereka daripada kebodohan ini, mereka akan karam kesemuanya". (Hadis Riwayat al-Bukhary dan at-Tirmidzi)

Sidang Jemaah Yang Dimuliakan Allah,

Pernahkah kita menyoal: "**Jika Allah Mencipta sesuatu, siapa pula yang mencipta Allah?**" Barangkali ada di antara kita yang pernah terfikir atau mungkin soalan itu pernah ditanya oleh anak kecil kita. Namun dengan kaca iman, kita meyakini yang Allah SWT adalah zat yang wajib wujud sejak azali. Jelas dalam Surah al-Ikhlas, Allah adalah Pencipta bagi segala kejadian. Begitu juga dalam Surah Al-Hadid ayat 3 juga menyebut:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّهِيرُ وَالبَاطِنُ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Maksudnya: "*Dialah Yang Awal dan Yang Akhir dan Yang Zahir serta Yang Batin dan Dialah Yang Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.*"

Berbeza dengan golongan agnostik. Mereka berusaha untuk menjawab soalan tadi menggunakan logik akal. Maka sudah pastilah jawapan tidak dapat ditemui kerana ia tidak akan berkesudahan. Misalnya, jika seseorang mengandaikan 'A' mencipta Allah, maka akan disusuli pula soalan siapa pula mencipta 'A'. Jika mengandaikan 'B', siapa pula mencipta 'B'? Begitulah

seterusnya. Perbuatan ini adalah sia-sia sedangkan kita tahu Allah itu wujud sebelum adanya zaman dan segala makhluk adalah ciptaan-Nya. Allah itu Penguasa Alam dan semua makhluk, maka bagaimana Pencipta itu wujud selepas makhluk-Nya?

Selain persoalan di atas, banyak lagi persoalan yang menjadi ‘agenda pemikiran’ golongan agnostik ini. Antara lainnya, *“Bagaimana mengenal Allah sedangkan tidak dapat dilihat?”, “Di mana Allah?”, “Jika Allah itu Pengasih dan Penyayang kenapa masih berlaku kejahanatan dan bencana?”, “Jika Allah itu Satu, mengapa ada banyak agama?”*, serta banyak lagi soalan yang dicetuskan kumpulan pelik ini.

Sidang Muslimin Sekalian,

Suka khatib memetik salah satu kes sebenar. Seorang anak muda yang lahir dan membesar dalam keluarga yang kuat berpegang ajaran Islam, namun malangnya terpengaruh dengan ajaran agnostik. Pada dirinya, kitab suci dalam semua agama dilihat memberi kesan yang sama. Hanya dihias ayat-ayat puitis bagi menambat hati manusia. Semua agama dirasakan gemar menakutkan manusia dengan perkara seperti neraka serta membebankan umat dengan ibadat seperti solat. Anak muda ini yakin yang manusia sepatutnya bebas melakukan apa sahaja tanpa terikat dengan tuhan dan agama.

Sememangnya kita merasa kurang senang dengan kisah tersebut dan isu-isu yang melingkari kumpulan agnostik ini. Namun cabaran ini menuntut kebijaksanaan kita sebagai seorang pendakwah. Ilmu yang mantap serta cara penyampaian yang penuh hikmah adalah elemen-elemen penting bagi menghadapi mereka. Umpama api dalam sekam, tanpa usaha dakwah, pengaruh fahaman ini perlahan-lahan akan meranapkan benteng akidah umat Islam yang sebenar.

Sidang Jumaat Yang Dimuliakan Allah,

Proses pemantauan, kawalan dan didikan perlu digembeling secara bersepadu agar penyimpangan akidah alaf baru ini tidak terus menular dalam kalangan umat Islam. Justeru mengakhiri khutbah, mimbar ingin mencadangkan 4 langkah penyelesaian bagi mengekang fahaman ini:

Pertama: Mengukuhkan Penghayatan Agama Melalui Institusi Keluarga. Ini termasuk ibu bapa perlu menjadi contoh mithali bagi anak-anak dalam menghayati Islam. Lengkapkan diri dengan ilmu keibubapaan. Pantaulah setiap aktiviti anak-anak dan rakan-rakan yang didekati anak-anak kita dari kecil hingga mereka dewasa.

Kedua: Merangka Dakwah yang Strategik. Agensi kerajaan, swasta, NGO dan sebagainya perlu memperbanyakkan program-program kreatif

dan inovatif yang dapat menarik jiwa umat Islam. Hindari pendekatan dakwah yang sempit, jangan hanya fokus pada persoalan dosa dan seksaan neraka semata-mata.

Ketiga: Memperkuuhkan Pendidikan Islam. Pendidikan dan ilmu Islam perlu didedahkan melalui kaedah yang tepat dan sahih. Silibus di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi perlu sentiasa dinilai untuk ditambah baik.

Keempat: Menyediakan Persekitaan yang Sejahtera. Program-program yang menyeluruh perlu dirangka bermula dari peringkat rumah, sekolah, IPT, tempat bekerja dan organisasi yang majoriti ahlinya beragama Islam. Kempen kesedaran melalui media perlu sentiasa dijalankan bagi menyedarkan umat agar sentiasa berpegang pada ajaran akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Semoga Allah memelihara diri kita dan seluruh keturunan kita dengan istiqamah berpegang pada akidah tauhid yang sebenar.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذَا أَخَذَ رَبِّكَ مِنْ بَنِي إَدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَّا سُتُّ بِرِّيئَةً
قَالُواْ بَلَىٰ شَهِدْنَا أَنْ تَقُولُواْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ . أُوْ تَقُولُواْ إِنَّمَا أَشْرَكَ إَبْآءَنَا
مِنْ قَبْلٍ وَكُنَّا ذُرِّيَّةً مِنْ بَعْدِهِمْ أَفَتُهْلِكُنَا بِمَا فَعَلَ الْمُبْطِلُونَ .

Maksudnya: “Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka dan Dia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Dia bertanya dengan firman-Nya): *Bukankah Aku Tuhan kamu?* Mereka semua menjawab: *Benar (Engkaulah Tuhan kami)*, kami menjadi saksi. Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: *Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini*. Atau supaya kamu tidak mengatakan: *Sesungguhnya ibu bapa kamilah yang melakukan syirik dahulu sedang kami ialah keturunan (mereka) yang datang kemudian daripada mereka*. Oleh itu, patutkah Engkau (wahai Tuhan kami) hendak membinasakan kami disebabkan perbuatan orang yang sesat itu?”. (*Surah Al A’raf ayat 172-173*)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذُّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



خطبة كدوا

(Bulan Januari 2020)

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَهْدِيهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِي اللَّهَ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ، وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِي لَهُ.

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالْتَّابِعِينَ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيَا أَيُّهَا الْإِخْوَةُ الْمُؤْمِنُونَ! إِتَّقُوا اللَّهَ، أُووصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada tuan-tuan dan diri saya sendiri supaya bertakwa kepada Allah SWT dengan mematuhi segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya berbahagialah orang yang bertakwa kepada Allah. Di samping itu, sebagai tanda mensyukuri segala nikmat Allah yang dikurniakan kepada kita, marilah kita mencontohi akhlak nabi SAW dan para sahabat sehingga mereka digelar jutawan akhirat. Caranya ialah dengan memperbanyakkan sumbangan harta yang kita sayangi ke jalan Allah iaitu dengan melakukan amalan **waqaf**.

Waqaf dari segi syarak ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewaqaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri pewaqaf kepada Allah.

Di negara kita, amalan berwaqaf telah lama diamalkan oleh generasi yang terdahulu. Mereka telah berjaya mewaqafkan harta melalui pembinaan masjid-masjid, sekolah-sekolah, pondok-pondok pengajian dan rumah-rumah anak yatim. Berwaqaf adalah amalan mulia yang dapat melahirkan perasaan kasih sayang, menyemarakkan semangat saling bantu-membantu antara satu sama lain. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 92:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
لَنْ تَنَالُوا الْبَرَ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ يِعْلَمُ

Maksudnya: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Di negeri kita khususnya, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah menyediakan satu alternatif kepada pelaksanaan ibadah waqaf yang berkonseptan wakalah melalui dana waqaf Pulau Pinang. Sama ada melalui potongan gaji bulanan atau pembayaran secara atas talian. Wakalah bermaksud para penyumbang mewakilkan kepada Majlis Agama Islam untuk mewakafkan mana-mana harta kekal dengan niat kerana Allah Taala. Ini merupakan satu usaha untuk menggembeling kerjasama ummah untuk bersama-sama melaksanakan ibadah waqaf walau pada tahap manapun kemampuan ekonomi seseorang.

Di samping itu, mesyuarat Majlis Agama Islam Pulau Pinang Bil 3/2018 bertarikh 22 November 2018 telah memutuskan bahawa **10%** daripada hasil kutipan Tabung Jumaat mingguan dari setiap masjid, hendaklah disalurkan secara bulanan kepada **Tabung Wakaf Sumbangan Masjid** yang telah ditubuhkan. Maka adalah menjadi tanggungjawab seluruh jawatankuasa kariah untuk melaksanakan amanah ini dengan sempurna.

Mengenkari arahan ini akan menyebabkan mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut **Seksyen 9, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (NEGERI PULAU PINANG) 1996**. Seksyen ini memperuntukkan bahawa: “*Mana-mana orang yang bertindak dengan cara*

yang menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Yang Di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa, adalah melakukan suatu kesalahan. Jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya.”

Justeru marilah kita infaqkan sedikit rezeki yang ada. Secara tidak langsung jemaah yang menghulurkan derma setiap kali solat Jumaat, akan berkongsi saham waqaf yang berkekalan manfaatnya hingga ke hari akhirat.

Diriwayatkan dari Abu Hurairah, Rasulullah ﷺ bersabda:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ:
صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ، أَوْ عِلْمٌ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُونَ لَهُ.

Yang bermaksud: “Apabila seorang hamba meninggal dunia, maka terputuslah darinya amalnya kecuali dari Tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang diambil manfaatnya, anak soleh yang mendoakannya”. (Hadis Riwayat Muslim)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Pada saat yang penuh barakah ini marilah kita berselawat ke atas nabi Muhammad SAW yang membawa petunjuk dan rahmat kepada kita sekalian sepetimana perintah Allah dalam surah Al-Ahzab, ayat 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكُوكُهُ، يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

“Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat kepada Nabi Muhammad ﷺ wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya”.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ. كَمَا صَلَّيْتَ وَسَلَّمْتَ
وَبَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَخْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ
أَرِنَا الْحَقَّ حَقًا وَأَرْزُقْنَا التَّبَاعَةَ وَأَرِنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا وَأَرْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِيْنَ.

Ya Allah, kami mohon kehadiran-Mu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah, dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefardhuan yang lain. Berkatilah hidup orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin, serta mereka yang menginfakkan harta untuk **Dana Wakaf Pulau Pinang** dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke akhir hayat.

اللّٰهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَاقِيَّةَ عَلَى مَلِكِنَا، كِبَاوِهِ دُولِي يِغْ مِهَا مُولِيَا سُرِيْ قَادُوكْ باكِينِدا يِغْ دُفِرْتُوانْ اكْنُوْغْ كـاـنِم بِلْس، الـسُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ إِبْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ حَاجِ أَحْمَدْ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ، وَكَذَلِكَ مُولَانَا تُوانْ يِغْ تِراوَتَاما تُونْ دَاتُوَءِ سُرِيْ اوْتَاما دَكتُورِ حَاجِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ حَاجِ عَبَاس يِغْ دُفِرْتُوا نَكْرِي فُولَاوْ فِينُغْ.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلْحَسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَإِشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.